

Air Sungai Belatop tercemar

Dipercayai mengandungi sisa racun dari kawasan tanaman sayuran berhampiran

ALAUDIN MA

GUA MUSANG - Penduduk Orang Asli di beberapa kampung kawasan tanah tinggi Lojing, dekat sini, mempertikaikan kelewatan Kerajaan Negeri bertindak terhadap pembukaan tanah kawasan itu secara meluas menyebabkan aliran Sungai Belatop ke Sungai Kelantan tercemar teruk.

Lebih 700 Orang Asli membabitkan beberapa kampung, termasuk Kampung Tendrop, Kampung Sang Way, Kampung Jedip dan Pos Brooke terdedah kepada ancaman berbahaya jika tidak ditangani segera.

Malah, pengakuan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengenai perkara itu hanya sekadar menutup kelemahan pentadbirannya tanpa menghiraukan keselamatan penduduk yang akan terdedah kepada pelbagai penyakit akibat menggunakan air sungai itu.

Difahamkan, air Sungai Belatop yang mengalir melalui Sungai Galas, Nenggiri sebelum ke Sungai Kelantan berselut dan mungkin mengandungi pencemaran sisa racun dan baja dari

kawasan tanaman sayuran tanah tinggi itu.

Dalam kenyataan Nik Abdul Aziz semalam, beliau mengakui laporan media sebelum ini bahawa air di Kelantan tercemar dengan logam berat dan bakteria E-coli yang boleh membahayakan kesihatan penduduk negeri ini.

Beliau yang juga Pengerusi Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) mengakui gagal menyekat pembangunan di Hulu Kelantan, terutama di Lojing sehingga menyebabkan pencemaran Sungai Kelantan, sekali gus menjejaskan bekalan air.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JKKKOA), Rashid Akoh berkata, masalah air sungai kotor itu bukan perkara baru, tetapi sejak puluhan tahun lalu Pas ambil alih Kelantan.

Katanya, Kerajaan Negeri membenarkan pembukaan tanah di kawasan itu secara besar-besaran tanpa menghiraukan rayuan penduduk Orang Asli supaya perkara itu perlu diberi perhatian untuk mengelak banyak masalah akan timbul.



RASHID

"Kini baru sedar mengenai masalah pencemaran sungai yang serius dan saya anggap sudah terlambat bagi Kerajaan Negeri untuk bertindak berikutan semakin banyak syarikat luar Kelantan mengambil kesempatan membuka tanah di situ.

"Jika dulu hanya membabitkan kawasan sekitar Lojing sahaja, tetapi kini semakin meluas ke kampung Orang Asli di Pos Brooke dan Jedip hingga kerap berlaku pertengkaran dengan penduduk mengenai perkara itu," katanya.



Air Sungai Belatop tercemar teruk akibat pembukaan tanah di kawasan tanah tinggi Lojing.